



**09 Januari 2018**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi KPF Plantation Sdn Bhd.**

KPF Plantation Sdn Bhd telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan KPF Plantation Sdn Bhd. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 3 Ladang yang diuruskan oleh KPF Plantation Sdn Bhd.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi KPF Plantation Sdn Bhd pada 11 hingga 13 Februari 2019. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
KPF Ladang Aring	Jalan Aring, 18300 Gua Musang, Kelantan	2138.00	Latitude: N 4°56 ' 41.336" Longitude: E 102° 20 ' 56.81"
KPF Ladang Blau	P.O Box 88 KM 1, Jalan Gua Musang Kuala Krai, 18300 Gua Musang, Kelantan	2026.00	Latitude: N 4°52 ' 28.808" Longitude: E 101° 57 ' 45.078 '
KPF Ladang Galas	P.O Box 88 KM 1, Jalan Gua Musang Kuala Krai, 18300 Gua Musang, Kelantan	1100.00	Latitude: N 4°52 ' 28.808" Longitude: E 101° 57 ' 45.078 '

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di KPF Plantation Sdn Bhd terdiri daripada:

- i) **En. Mohd Rizal Bin Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **En. Ermadasila** sebagai Juruadit ( Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) **En. Abdul Hakim Bin Mohamad** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)



Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 11 Februari 2019  
Masa : 10.00am-12.00pm  
Lokasi : Jalan Aring,  
18300 Gua Musang, Kelantan

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.



Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Segala maklumat yang diberikan akan dianggap sebagai rahsia melainkan jika perlu akan memohon kelulusan sebelum dikeluarkan. Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Penyelaras Skim**

Aini Nazurah Mohd Zi  
Trans Certification International Sdn  
Bhd.  
No. B52, Tingkat 1,  
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang.  
Tel: +609-5751333  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

En. Rizal Alimin  
  
MSPO Officer  
Pejabat Ladang Aring, KPF Plantation Sdn  
Bhd, 18300 Gua Musang,  
Kelantan Darul Naim  
Tel: +6016-2768899  
Email: [mrizal.a@felda.net.my](mailto:mrizal.a@felda.net.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Aini Nazurah Mohd Zi

**Penyelaras Skim**

Trans Certification International Sdn Bhd